



Bersama
Mohd Shahrizal
Nasir

19-02-2018

addin

19

HARIAN METRO

Solat salah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan. Ia diumpamakan seperti tiang agama, sesiapa yang melaksanakannya maka, dia mengukuhkan pegangan agamanya.

Sesiapa yang meninggalkannya maka dia merosakkan pegangan agamanya. Kepentingan solat sangat jelas apabila penyeriatannya diterima Rasulullah SAW secara langsung daripada Allah SWT melalui peristiwa Israk dan Mikraj.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Maka apabila kamu menyelesaikan solatmu, ingatlah Allah pada waktu berdiri, waktu duduk dan pada waktu berbaring, kemudian apabila kamu aman, maka dirikan solat itu (sebagaimana biasa), sesungguhnya solat adalah fardu yang ditentukan waktunya ke atas golongan yang beriman." (Surah an-Nisa', ayat 103)

Ada banyak dalil yang menjelaskan peringatan dan akibat buruk meninggalkan solat. Allah SWT menjelaskan orang yang tidak menuaikan solat fardu tidak akan mendapat pertolongan Ilahi pada hari akhirat nanti.

Pada ketika itu, kitalah insan yang paling rugi. Tiada sebarang pertolongan yang dapat menyelamatkan kita pada hari akhirat nanti melainkan daripada-Nya.

Allah SWT merakamkan perihal golongan yang tidak mendapat pertolongan daripada-Nya dalam al-Quran: "Golongan yang bersalah itu menjawab: Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang yang mengerjakan sembahyang." (Surah

Hilang pertolongan Ilahi

■ *Orang Islam abai sembahyang berasib malang di akhirat*



HAKIKATNYA tiada halangan untuk mengerjakan solat ketika dalam perjalanan ke sesuatu tempat.

al-Mutaffifin, ayat 43)

Kemudian, Allah SWT menjelaskan pada ayat 48 surah sama bermaksud: "Maka tidak akan berguna kepada mereka sebarang syafaat pertolongan (kalauolah ditakdirkan ada) sesiapa yang boleh memberikan syafaat itu."

Ayat itu menjelaskan orang yang meninggalkan solat tidak mendapat pertolongan daripada Allah SWT iaitu pertolongan yang dapat menyelamatkan manusia tergolong dalam kalangan orang yang rugi di akhirat kelak. Rasulullah SAW juga menjelaskan kepentingan solat menerusi hadisnya yang bermaksud: "Sempadan di antara seorang individu dengan kekufurannya adalah meninggalkan solat." (Hadis riwayat Muslim)

Berdasarkan dalil menge-

nai kewajipan menuaikan solat itu, setiap individu Muslim perlu mengingkatkan diri sendiri dan orang lain mengenai tanggungjawab berkenaan.

Dalam apa juga keadaan sekalipun, solat wajib ditunaikan. Malah, sekiranya seseorang itu berdepan dengan situasi yang tidak membolehkannya menuaikan solat seperti biasa, ada rukhsah (keringanan) diberikan seperti pelaksanaan solat secara jamak atau qasar.

Melihat situasi semasa, ada dalam kalangan masyarakat Muslim berdepan masalah menuaikan solat ketika dalam per-

jalanan menggunakan pengangkutan awam seperti kereta api dan bas.

Ada rungutan daripada sesetengah pengguna menyatakan terdapat kemudahan pengangkutan awam tidak sensitif terhadap waktu solat terutama solat Subuh.

Waktunya amat singkat dan tidak boleh pula dilakukan secara jamak. Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

"Dan waktu solat Subuh dari terbitnya fajar (sadiq) sehingga sebelum terbitnya matahari." (Hadis riwayat Muslim)

Menjadi kewajipan pihak yang berkenaan untuk prihatin terhadap perkara

itu. Jika tidak, mereka yang terbabit akan menanggung dosa setiap penumpang yang tidak dapat menuaikan solat fardu kerana tidak diberi ruang menuaikannya.

Bagi kemudahan tempat solat di tempat awam, tahniah diucapkan kerana rata-rata kawasan seperti pusat beli-belah, hentian pengangkutan awam, bangunan kerajaan dan swasta, kawasan rehat dan rawat, hotel dan tempat penginapan sementara, semuanya menyediakan kemudahan tempat solat untuk orang awam.

Keadaan semasa yang positif itu perlu diberi pujian dan menjadi contoh kepada pihak lain dalam memberi kemudahan kepada orang Islam untuk menuaikan solat.

Walau bagaimanapun, tahap kebersihan tempat solat dan bagi pusat beli-belah yang dimiliki orang Islam perlu diberikan perhatian. Muzik perlu dihentikan ketika masuk waktu solat, malah dianjurkan supaya mengundurkan azan untuk memberi peringatan kepada pengunjung Muslim.

Bagi pengguna tempat solat di tempat awam pula, mereka perlu prihatin terhadap orang lain dalam menuaikan solat.

Kadangkala ada dalam kalangan mereka membaca surah dalam solat, zikir dan doa yang terlalu panjang sehingga menyebabkan orang lain terpak-

AL-HAQ
Sehari sepotong ayat

Katakanlah (wahai Muhammad): "Kalauolah kamu melarikan diri daripada kematiatan atau daripada pembunuhan, maka perbuatan melarikan diri itu tidak sekali-kali mendatangkan faedah kepada kamu dan kalauolah kamu pada hari ini terlepas sekalipun, maka kamu tidak juga akan menikmati kesenangan hidup melainkan sedikit masa saja." (Surah al-Ahzab, ayat 16)

sa menunggu dan beratur lama.

Islam amat meraikan keadaan dan situasi semas dalam pelaksanaan ibadat fardu seperti solat.

Firman Allah SWT dalam al-Quran bermaksud: "Maka bacalah mana-mana yang sudah kamu dapat membacanya daripada al-Quran dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat dan berilah pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (ikhlas)." (Surah al-Muzammil, ayat 20)

Sama-sama kita menjaga kualiti solat serta berusaha melaksanakannya dengan sempurna. Memudahkan urusan pelaksanaan ibadat solat orang lain adalah perkara yang perlu menjadi keutamaan supaya terselamat daripada bebanan dosa dan kemurkaan Allah SWT.

**Penulis pensyarah,
Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza),
Terengganu**

FAKTA

Solat diumpamakan seperti tiang agama